

23/01/1997

Jerman mahu kukuh hubungan tiga bidang

KUALA LUMPUR, Rabu - Jerman berhasrat mengukuh dan memperluaskan hubungan dengan Malaysia menerusi kerjasama dalam bidang bukan ekonomi termasuk budaya, pendidikan dan sains teknologi.

Hasrat itu disampaikan oleh Naib Canselor merangkap Menteri Luar Jerman, Dr Klaus Kinkel, kepada Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, selepas pertemuan mereka di Wisma Putra di sini, hari ini.

Dalam sidang akhbar selepas itu, Abdullah berkata, Jerman berminat untuk menandatangani perjanjian kebudayaan dengan Malaysia bagi merealisasikan hasratnya.

"Negara itu juga mahu meningkatkan kerjasama teknikal, pendidikan dan sains dan teknologi, selain kerjasama ekonomi dan perdagangan yang sedia wujud.

"Malah, Jerman turut menawarkan untuk membantu memindahkan teknologi mereka dalam bidang tertentu," katanya.

Dr Kinkel tiba di negara ini hari ini bersama 35 anggota delegasi perdagangan Jerman untuk lawatan selama dua hari.

Beliau berada dalam rangka lawatan ke Malaysia dan India setelah melawat Czechoslovakia sebelum ini, kemudian mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Abdullah berkata, Jerman turut berminat mempelajari mengenai Islam di negara ini.

"Saya mencadangkan mereka membuat hubungan dengan Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) yang berpengalaman luas di peringkat antarabangsa," katanya.

Mengenai pembangunan Bosnia-Herzegovina, Abdullah memberitahu Dr Kinkel bahawa Malaysia turut terbabit dalam pembangunan semula negara itu dengan kerjasama Jepun.

"Mungkin Malaysia dan Jerman juga boleh mewujudkan kerjasama yang serupa untuk membangunkan Bosnia," katanya.

(END)